

Budak lelaki 5 tahun terseksa sampai mati angkara perbuatan kejam bapa tiri

Bibir pecah, kaki dicucuh rokok

Oleh SHAHRULANOOR ISHAK

KUANTAN - Seorang budak lelaki berusia lima tahun terpaksa menanggung penderitaan sebelum disahkan meninggal dunia dipercayai akibat menjadi mangsa dera bapa tirinya di Kampung Batu Balik, Pekan dekat sini kelmarin.

Mangsa, Muhammad Hafiz Abdullah mengembuskan nafas terakhirnya ketika menerima rawatan di Klinik Kesihatan Padang Rumbia kira-kira pukul 4 petang.

Difahamkan, hasil pemeriksaan awal doktor mendapati, terdapat pelbagai kesan lebam pada anggota badan mangsa selain kesan cucuh rokok pada tapak kakinya. Ketua Jabatan Sia-

satian Jenayah Pahang, Datuk Othman Nanyan berkata, susulan kejadian itu, pihaknya telah menahan bapa tiri mangsa yang berusia 54 tahun bersama ibu kandungnya berusia 25 tahun untuk disiasat.

Katanya, pasangan itu dikatakan telah membawa Muhammad Hafiz ke klinik berkenaan bagi mendapatkan rawatan selepas mangsa tidak sedarkan diri.

"Mangsa disahkan meninggal dunia ketika menerima rawatan. Pemeriksaan awal di klinik mendapati ada kesan lebam di dada.

"Doktor juga menemui ada kesan cucuh api (bara) rokok di tapak kaki, bibir mangsa pecah, lebam mata kanan serta luka kecil pada kening



MUHAMMAD HAFIZ



BEBERAPA wartawan berkumpul di pekarangan rumah seorang budak lelaki yang mati dipercayai didera bapa tirinya di Kampung Batu Balik, Pekan semalam.

kanan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambah beliau, mayat mangsa dihantar ke Hospital Pekan sebelum dibawa ke Jabatan Perubatan Forensik Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) di sini pada pag-

semalam untuk dibedah siasat.

Mengulas berhubung siasatan awal ke atas suspek, Othman memberitahu, bapa tiri mangsa mengaku pernah memukul mangsa di rumah mereka pada hari kejadian.

"Bapa tiri mangsa kini direman tujuh hari (ber-

mula semalam) untuk disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh," jelasnya.

Sementara itu, seorang penduduk dikenali Haekal memberitahu, bapa tiri mangsa didakwa mempunyai sikap panas baran selain kurang bergaul dengan masyarakat setempat.

"Kami hanya berselisih dengannya di jalan atau di kedai makan dan dia kurang bergaul dengan penduduk," katanya.

Tambahnya, lelaki itu juga pernah berkahwin dengan seorang wanita Orang Asli dan mempunyai empat anak sebelum berpisah lima tahun lalu.

"Selepas dia berpisah dengan isterinya, lelaki itu telah berkahwin pula dengan penduduk kampung ini (ibu mangsa) yang mempunyai dua anak," katanya.

INFO

Anak mati didera orang tua

- **2 Februari 2018** - Seorang budak perempuan berusia sembilan tahun meninggal dunia akibat kecederaan organ dalaman selepas didera bapa dan ibu tirinya di rumah mereka di Taman Vista Jaya Lukut, Teluk Kemang, Negeri Sembilan
- **27 Disember 2018** - Seorang budak lelaki berusia 10 tahun meninggal dunia di Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru akibat kecederaan pada abdomen selepas dipercayai didera bapa kandung serta ibu tirinya
- **11 Julai 2018** - Seorang budak lelaki berusia 10 tahun melecur pada kemaluan dan lebam pada anggota badan sebelum meninggal dunia selepas dipercayai didera oleh ibu kandungnya sendiri di rumah mereka di Permatang Badak, Kuantan, Pahang
- **14 Mei 2017** - Seorang budak lelaki berusia tiga tahun mati akibat patah tulang rusuk dan pendarahan dalam badan dipercayai didera oleh ibu kandungnya di rumah mereka di Kajang, Selangor